

BANK ISLAM LANCAR IFIRST UNTUK PKS DAN SYARIKAT PERINGKAT PERTENGahan

Penyelesaian lestari untuk mempercepat peralihan perniagaan ke arah ekonomi hijau

KUALA LUMPUR, Khamis, [19 Jun 2025]: Hari ini menandakan satu kemajuan baharu dalam perjalanan kelestarian Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) menerusi pelancaran *IHSAN Financing for Business Resilience, Sustainability and Green Transition* (IFIRST) bersempena pengajuran sulung Persidangan Kelestarian Bank Islam 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed, berkata IFIRST merupakan satu penyelesaian pembiayaan yang disesuaikan untuk memperkasa perniagaan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat peringkat pertengahan, dalam menerapkan amalan lebih lestari dan berdaya tahan. Ia menyediakan sokongan dan akses saksama, seterusnya membolehkan perniagaan untuk aktif bergiat dalam peralihan ke arah ekonomi rendah karbon.

"Penyelesaian pembiayaan baharu ini mencerminkan komitmen Bank Islam ke arah peralihan yang saksama dan inklusif, merentasi kesemua segmen ekonomi. Dengan membolehkan amalan yang lebih hijau di segenap rantaian nilai, kami bukan sahaja menyokong perniagaan besar tetapi juga perniagaan kecil dan rakan ekosistem yang memainkan peranan penting dalam mengurangkan pelepasan karbon.

Katanya "IFIRST secara strategik menumpukan kepada sektor intensif karbon, menggabungkan akses ke kemudahan seperti Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF) Bank Negara Malaysia. Pendekatan bersepada ini membantu perniagaan mengatasi halangan kewangan dan operasi dalam perjalanan lestari mereka bagi memastikan tiada pemegang taruh yang ketinggalan." katanya.

Pelancaran IFIRST mengukuhkan lagi kepimpinan Bank Islam sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang berpandukan matlamat serta komited untuk menerapkan prinsip alam sekitar, sosial, dan tadbir urus (ESG) dalam penawaran terasnya. Sejajar dengan nilai-nilai Syariah dan strategi jangka panjang Bank, IFIRST mencipta nilai bersama untuk pelanggan, pemegang taruh dan alam sekitar, sambil memperkuuh pengurusan risiko dan membuka ruang baharu untuk pertumbuhan aset yang mampan dan bertanggungjawab.

Setakat Disember 2024, Bank Islam telah mencapai 93% daripada sasaran FY2025 yang disemak semula iaitu RM28 billion dalam aset dan kewangan mampan, menunjukkan momentum yang kukuh dan keyakinan pasaran yang kian meningkat. Kemajuan ini didorong oleh tawaran-tawaran berimpak seperti Akaun Pelaburan Lestari Ihsan (ISIA), SME SMART Eco Financing Programme-i (ECO) dan akses kepada LCTF.

Mohd Muazzam menambah, "Bank Islam berusaha untuk menjadi rakan strategik dalam membantu pelanggan perniagaan kami bersedia mendepani masa depan melalui khidmat nasihat, penyelesaian pembiayaan lestari dan platform perkongsian pengetahuan. Ketika industri mempercepat peralihan mereka ke arah masa depan rendah karbon, Bank Islam memainkan peranan penting dalam menggerakkan modal untuk memperkasa amalan penyelesaian dan teknologi hijau sektor korporat dan perniagaan. Usaha ini akan

meningkatkan daya tahan ekonomi dan menyokong Malaysia dalam menepati matlamat iklimnya.

Bank Islam kini bersedia untuk melaksanakan Pelan Peralihan Iklimnya, satu pelan hala tuju strategik yang akan memacu ke arah mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Pelan itu akan mempercepatkan usaha pengembangan pembiayaan dan peralihan hijau di samping memupuk kerjasama dengan pelanggan dalam sektor berimpak tinggi bagi memacu penerimaan model perniagaan karbon rendah yang mampan.

Persidangan Kelestarian Bank Islam 2025, yang bertemakan "Mempercepat Peralihan Saksama ke arah Ekonomi Positif-Alam", berperanan sebagai platform untuk menegaskan semula komitmen Bank Islam untuk memajukan peralihan rendah karbon dan aspirasi ESG.

Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Dato' Nor Azmie Diron, hadir bagi merasmikan acara ini. Ia turut dihadiri pemimpin industri, penggubal dasar dan wakil-wakil sektor kewangan.

Di samping persidangan, Bank Islam bertukar dokumen dengan Thoughts in Gear dan Mastercard bertujuan untuk memperkuatkannya komitmen Bank serta mempercepatkan kemajuan bermakna dalam peralihan ke arah ekonomi rendah karbon. Bank Islam juga telah menjalin kerjasama strategik dengan Elopura Power Sdn Bhd, anak syarikat kepada Sabah Electricity Sdn Bhd.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.